

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 ( ISNIN )**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan tindakan pihak Kerajaan dan JAKOA bagi menyelesaikan isu infrastruktur asas seperti jalan, elektrik, sumber air bersih dan perumahan bagi masyarakat Orang Asli khususnya di kawasan Parlimen Cameron Highlands dan amnya di seluruh negara bagi penyelesaian tempoh jangka masa panjang.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY AL  
PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan pelbagai projek di perkampungan Orang Asli bagi menyelesaikan isu infrastruktur asas seperti jalan, elektrik, sumber air bersih dan perumahan bagi masyarakat Orang Asli khususnya di kawasan Parlimen Cameron Highlands.

Terdapat 87 buah kampung Orang Asli yang diiktiraf di Parlimen Cameron Highlands dengan penduduk berjumlah 19,919 orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 70 kampung (80%) telah mempunyai bekalan air terawat, 43 kampung (49%) telah mempunyai bekalan elektrik, 72 kampung (82%) telah mempunyai jalan perhubungan. Manakala sepanjang tahun 2009 hingga 2019, sebanyak 415 rumah baru telah dibina dan 169 buah rumah telah dibaikpulih di perkampungan Orang Asli parlimen Cameron Highlands.

## NO. SOALAN : 24

JAKOA sentiasa membuat perancangan terhadap isu pembangunan yang melibatkan masyarakat Orang Asli bagi memastikan Orang Asli tidak tercicir dari arus perdana. Walaubagaimanapun pelaksanaannya bergantung kepada peruntukan dan faktor lokasi perkampungan yang terletak di kawasan ekstrem.

Bagi tahun 2020, JAKOA telah diperuntukkan sebanyak RM83.55 juta di bawah peruntukan pembangunan melibatkan pelaksanaan lapan (8) projek/program sambungan dan empat (4) projek baru meliputi pembangunan infrastruktur, pembangunan ekonomi dan usahawan, pembaikan TABIKA serta penyediaan kelengkapan di pusat-pusat transit untuk memastikan kebajikan Orang Asli sentiasa dijaga dan diberi perhatian sewajarnya oleh Kerajaan. Peruntukan yang diterima adalah lebih tinggi berbanding sebanyak RM56.54 juta sahaja pada tahun 2019. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan pembangunan untuk masyarakat Orang Asli sentiasa dipertingkatkan supaya selari dengan arus perdana.

Strategi pembangunan secara menyeluruh sentiasa akan diteliti dan dipertimbangkan oleh JAKOA bagi memastikan masyarakat Orang Asli dibangunkan secara holistik. Dalam RMK-12 yang akan datang, pembangunan infrastruktur akan diteliti dan diperluaskan dari aspek-aspek seperti penyediaan bekalan elektrik melalui solar/ mini hidro, penyelenggaraan elektrik, telekomunikasi dan bekalan air mentah melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan, badan berkanun, syarikat swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) supaya projek dapat dilaksanakan melalui kaedah inovasi dengan kos yang minimum namun memberikan manfaat kepada Orang Asli secara khususnya.

Sekian, terima kasih.